

**Ucapan Alu-aluan Naib Canselor di Majlis Suai Mesra Bersama YB Dato Ir. Idris Haron,
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Pada Majlis bersama
Siswa Siswi Sesi 2007/2008.**

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera

Terima kasih Saudara/saudari pengacara majlis

Yang Berhormat Dato' Ir. Idris Haron
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi

Yang Berusaha Prof Dr Amran Ahmed
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Yang Berbahagia Prof Dr Hj Sanudin Hj Tahir
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

En Abdullah Hj Mohd Said
Pendaftar

Tuan Hj Rizal Othman
Bendahari

Puan Dayang Rukiah Awang Amit
Pemangku Ketua Pustakawan

Prof Madya Dr Jualang Gansau Abdullah
Pengarah MSM

Pengurusan Kanan UMS
Para Pegawai dan Kakitangan UMS

Pimpinan Pelajar

AJK MSM sesi 2008/2009

Siswa Siswi 2007/2008

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu, saya mengucapkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadzrat Allah SWT, kerana pada malam yang ceria dan permai ini, kita dapat bersama-sama dengan Yang Berhormat Dato' Ir Idris Haron, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

Yang Berhormat Dato', saya bagi pihak seluruh warga Universiti Malaysia Sabah, amat berbangga di atas kehadiran Yang Berhormat Dato'. Walau pun Yang Berhormat Dato' mempunyai tugas yang begitu ketat di peringkat nasional, tetapi Yang Berhormat Dato' dapat juga hadir menambah seri dan memeriahkan lagi suasana ceria yang dirasai di kampus UMS.

Yang Berhormat Dato',

Bersama-sama kita pada malam ini, ialah sejumlah 4,065 orang siswa-siswi baru UMS, yang akan bersama-sama menjulang nama UMS khasnya, dan Kementerian Pengajian Tinggi amnya sekaligus memartabatkan kecemerlangan pengajian tinggi di Malaysia.

Setelah seminggu menjelaskan kaki di kampus yang tersergam indah ini, siswa-siswi yang datang dari seluruh Malaysia, berpeluang berkenalan di antara satu sama lain, dengan satu misi

yang sama menempuh cabaran untuk menjadi modal insan yang akan menjadi sandaran utama negara di masa hadapan.

Sebagai makluman Yang Berhormat Dato,’ siswa-siswi UMS telah disemai dengan perasaan dan semangat untuk memiliki identiti tersendiri. Untuk tujuan tersebut, siswa-siswi UMS, perlu mempunyai identiti dan tradisi yang dikaitkan dengan budaya ilmu yang mantap, dan menjawai kecemerlangan. Saya telah menegaskan kepada siswa-siswi sekalian, akan pentingnya memiliki tradisi kesarjanaan ilmu yang tinggi dan telus. Mengisi diri dengan ilmu dan pelbagai kemahiran perlu dibudayakan tatkala melalui kehidupan di kampus. Apabila telah menamatkan pengajian kelak, siswa-siswi UMS diharap akan mampu menyumbang kepada masyarakat melalui ilmu dan kemahiran yang pelbagai.

Pembentukan identiti, pengukuhan tradisi, dan pengayaan budaya, akan lebih sempurna jika dilengkapkan dengan jati diri yang mampu memandu siswa-siswi menjadi insan yang gemilang. Meningkatkan keperibadian dan memantapkan integriti adalah berpandukan nilai yang berdasarkan aspek ilmu dan kerohanian.

Yang Berhormat Dato, Saudara Saudari yang dihormati sekalian,

Antara faktor kepada kekuatan sesebuah organisasi ialah, sumber manusia yang mampu merancang, menggerak dan menjayakan visi dan misi organisasi. Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada seluruh jentera akademik khususnya, agar kita dapat bersama-sama mempertingkatkan lagi komitmen, melengkapkan pakej modal insan siswa-siswi UMS ini selama mereka menuntut ilmu di UMS yang tercinta ini. Anggaplah bahawa mereka ini juga adalah seperti anak-anak kita yang perlukan kasih sayang dan pembelaan, dari segi didikan dan bimbingan ilmu. Dan yang lebih penting siswa-siswi inilah bakal menjadi aspirasi pembangunan masyarakat dan negara.

UMS bertekad untuk menjadi sebuah universiti yang bukan hanya dikagumi didalam negara, malahan mencapai kemasyuran di peringkat antarabangsa. Justeru itu, adalah menjadi harapan saya seluruh warga UMS termasuk kakitangan akademik dan pentadbiran serta siswa-siswi sekalian untuk sama-sama mempertingkatkan azam ke arah kecemerlangan bagi mendukung misi universiti mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu.

InsyaAllah, dengan izin Yang Maha Kuasa, selagi kita berpegang kepada falsafah pendidikan universiti yang berteraskan kepercayaan kepada Tuhan serta pembinaan masyarakat yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani bagi berbakti mencapai kesejahteraan masyarakat dan negara. Maka UMS akan terus mencapai kecemerlangan.

Sekian sahaja ucapan alu-aluan yang dapat saya sampaikan pada majlis ini. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato di atas kelapangan masa bersama-sama warga UMS pada malam ini.

*Saya sudahi dengan wabillahit taufiq wal hidayah
wassallammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*